

PERBARISAN BULANAN PEGAWAI MEMERINTAH NO 10 SKUADRON

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2138-perbarisan-bulanan-pegawai-memerintah-no-10-skuadron

KUANTAN, 21 Jul 17 - Bertempat di hadapan Alert Hangar, PU Kuantan telah dilaksanakan upacara Perbarisan Bulanan Pegawai Memerintah No 10 Skuadron. Upacara telah diserikan lagi dengan upacara pemakaian pangkat kepada anggota lain-lain pangkat dari ketukangan Kuartermaster Udara dan Juruteknik Pesawat EC 725 AP.



Dalam ucapan Pegawai Memerintah No 10 Skuadron, beliau telah mengingatkan para pegawai dan anggota lain-lain pangkat supaya menjauhkan diri dari penyalahgunaan najis dadah. Beliau juga turut memaklumkan tentang tindakan yang akan diambil terhadap sesiapa sahaja yang terlibat dengan kes dadah berlandaskan kepada garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Panglima Tentera Udara. Sekalung tahniah kepada anggota-anggota yang telah dinaikkan pangkat.

